



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1988

PINDAAN ELAUN KERAIAN DAN BAYARAN BANTUAN SEWA  
RUMAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI TINGKATAN TERTINGGI "G"  
DAN KE ATAS DALAM PEKELILING PERKHIDMATAN  
BIL. 10 TAHUN 1986

**TUJUAN**

1. Tujuan Pekeliling ini adalah untuk meminda kadar Elaun Keraian dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1986.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah mengkaji semula keputusan mengenakan potongan 10% ke atas Elaun Keraian dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah yang dibayar kepada Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1986 dan memutuskan supaya ditarik balik potongan 10% tersebut berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989. Selaras dengan keputusan itu maka kadar Elaun Keraian dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah yang sedang dinikmati oleh Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas hendaklah dipinda.

**KADAR BARU**

3. Kadar Elaun Keraian bagi Pegawai-pegawai Tingkatan Tertinggi "G" dan ke atas adalah dipinda seperti berikut:

**Elaun Keraian**

<i>Tingkatan Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang Sebulan</i>	<i>Kadar Baru Sebulan</i>
	\$	\$
Ketua Setiausaha Negara .. .. .	2,250	2,500
Tingkatan Turus I (A1) .. .. .	1,800	2,000
Tingkatan Turus II (A2) .. .. .	1,800	2,000
Tingkatan Turus III (A3) .. .. .	1,800	2,000

<i>Tingkatan Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Baru</i>
	<i>Sebulan</i>	<i>Sebulan</i>
	\$	\$
Tingkatan Tertinggi "A" (A4) .. .. .	1,440	1,600
Tingkatan Tertinggi "B" (A5) .. .. .	1,080	1,200
Tingkatan Tertinggi "C" (A6) .. .. .	900	1,000
Tingkatan Tertinggi "D" (A7) .. .. .	720	800
Tingkatan Tertinggi "E" (A8) .. .. .	540	600
Tingkatan Tertinggi "F" (A9) .. .. .	495	550
Tingkatan Tertinggi "G" (A10) .. .. .	450	500

4. Kadar Bayaran Bantuan Sewa Rumah juga dipinda seperti berikut:

#### **Bayaran Bantuan Sewa Rumah**

<i>Tingkatan Pegawai</i>	<i>Kadar Sekarang</i>	<i>Kadar Baru</i>
	<i>Sebulan</i>	<i>Sebulan</i>
	\$	\$
Ketua Setiausaha Negara .. .. .	1,800	2,000
Tingkatan Turus I (A1) .. .. .	1,800	2,000
Tingkatan Turus II (A2) .. .. .	1,800	2,000
Tingkatan Turus III (A3) .. .. .	1,800	2,000
Tingkatan Tertinggi "A" (A4) .. .. .	1,350	1,500
Tingkatan Tertinggi "B" (A5) .. .. .	1,125	1,250
Tingkatan Tertinggi "C" (A6) .. .. .	900	1,000
Tingkatan Tertinggi "D" (A7) .. .. .	675	750
Tingkatan Tertinggi "E" (A8) .. .. .	540	600
Tingkatan Tertinggi "F" (A9) .. .. .	405	450
Tingkatan Tertinggi "G" (A10) .. .. .	315	350

#### **TARIKH KUATKUASA**

5. Tarikh kuatkuasa kadar baru bagi Elaun Keraian dan Bayaran Bantuan Sewa Rumah di perenggan 3 dan 4 di atas adalah mulai 1 Januari 1989.

#### **PEMAKAIAN PEKELILING INI**

6. Peruntukan dalam Pekeliling ini juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri-negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.


#### **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini maka Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1986 adalah dibatalkan.

AM

8. Ketua-ketua Jabatan, Ketua-ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah bertanggungjawab untuk menentukan pelaksanaan kadar baru bagi kedua-dua elaun dan bayaran yang tersebut di perenggan 3 dan 4 Pekeliling ini diuruskan dengan betul. Sekiranya ada sebarang keraguan, penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR

25hb November 1988.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.  
Semua Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.  
Semua Ketua Pengurusan Badan-Badan Berkanun.  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa-Kuasa Tempatan.